Kosongkan dulang titisan selepas memasak, bersihkan dengan sabun lembut atau detergen dengan kain lembap atau sponge, bilas, keringkan dan letak pada bahagian bawah ketuhar. Jangan bersihkan dengan mesin.

Hapuskapuran dalam Bahagian Wap

Semasa penjaan wap, kerak mungkin terbentuk di dalam penjana. Untuk mengalihkan kerak, jalankan fungsi hapuskapuran apabila DESCALING IS NECESSARY. Dipaparkan pada skrin paparan. Rujuk halaman M-8 untuk arahan yang lengkap.

CARTA PENYELESAIAN MASALAH

Jika EE dipaparkan atau anda terasa ketuhar tidak berfungsi dengan sempurna, periksa carta dibawah sebelum berunding dengan PUSAT SERVIS YANG DILULUKAN OLEH SHARP. Ia untuk mengelakkan daripada panggilan yang tidak perlu.

AMARAN:

Jangan menyelaraskan, membaikpulih, atau modifikasi ketuhar dengan sendiri. Ia berbahaya kepada semua orang kecuali juruteknik yang bertauliah yang dilatih oleh SHARP untuk menjalankan sebarang servis atau baikpulih. Ini adalah mustahak sebab mungkin melibatkan pembukaan penutup dimana terlindungnya bahagian elektronik.

- Membaikpulih dan Modifikasi : Jangan gunakan ketuhar tersebut jika ia tidak beroperasi dalam keadaan yang sempurna.
- Kabinet luar dan Lampu : Jangan membuka kabinet luar untuk mengelakkan daripada kemungkinan berlakunya renjatan elektrik atau kecederaan.

Carta Penyelesaian Masalah

Carta Penyelesaian Masalah

MAKLUMAT YANG DIPAPARKAN		TINDAKAN
MESEJ RALAT	EE	Disebabkan kesilapan teknikal, sila hubungi PUSAT SERVIS YANG DILULUSKAN OLEH SHARP.
URUTAN MAKLUMAT	Wait. (Tunggu) Oven is too warm to use. (Ketuhar terlampau panas untuk digunakan).	The oven is too hot to use Microwave for defrosting or Steam Manual Proof. Remove food from oven and allow to cool until the message clears.
	Water is frozen. (Air terbeku). Please refer to instruction in operation manual. (Sila rujuk kepada arahan di dalam manual operasi).	Ketuhar mungkin tidak beroperasi dengan sempurna. Kendalikan ketuhar dengan Convection Grill tanpa makanan dan prapanas selama 5 minit. Sila rujuk halaman M-17.
	Now Cooling. (Sedang Sejuk)	Selepas memasak, ketuhar dan bahagiannya akan menjadi panas. Now Cooling akan dipaparkan sehingga ruang ketuhar menjadi sejuk. Kipas penyejuk mungkin beroperasi berterusan sehingga 13 minit. Now Cooling akan dipadamkan setelah ketuhar menjadi sejuk. Jika anda ingin menggunakan ketuhar yang sedang panas, tekan saja Stop/Clear.
	Replace drip tray. (Gantikan dulang titisan)	Alih dan letakkan dulang tersebut dengan baik dan betul. Sila rujuk halaman M-6. Sekiranya dulang tersebut tidak dipasang dengan sempurna, Replace drip tray akan dipaparkan.
	Empty drip tray and replace. (Kosong dan gantikan dulang titisan)	Empty drip tray and replace akan dipaparkan apabila air tertakung pada dulang tersebut. Anda harus kosong dan pasang balik dulang tersebut sebelum mulanya SuperSteam Convection atau Steam Cooking. Sila rujuk halaman M-6.
	Descaling is necessary. (Hapuskapuran diperlukan).	Ikuti arahan langkah-demi-langkah hapuskapuran. Sila rujuk halaman M-8.
	Fill water tank with water. (Isikan tangki air dengan air).	Alihkan tangki air dan isikan sehingga tanda 2 (tanda MAX). Pasang dan letakkan dengan baik. NOTA: Pastikan anda tidak menggunakan air suling, air RO, air mineral dll.
	Remove water tank. (Alihkan tangki air).	Jika terdapat air di dalam tangki air, fungsi Drain Water (pengaliran air) tidak akan dimulakan. Alihkan tangki air sebelum melaksanakan fungsi tersebut.
	Hot. (Panas)	Kabinet dan ketuhar sangat panas. Sila berhati-hati supaya tidak mencederakan anda.

CARTA PENYELESAIAN MASALAH

Keadaan tersenarai dibawah menunjukkan keadaan biasa dan bukan isyarat yang mengatakan ketuhar tersebut mengalami kerosakkan.

QUESTION / SITUATION		ANSWER
Panel kawalan / bekalan kuasa.	Paparan gelap / kosong	• Buka dan tutup pintu ketuhar • Periksa palam telah disambungkan dengan betul pada soket dinding. • Periksa soket dinding dan pemutus litar samada berada dalam keadaan baik atau tidak. • Cabut palam tersebut , tunggu beberapa minit kemudian, pasang balik.
	Paparan dalam keadaan baik tetapi tiada sebarang fungsi setelah Start ditekan.	• Buka dan tutup pintu ketuhar. Adakah lampu ketuhar padam? Tekan Start sekali lagi. • Jika mesej "Wait. Oven is too warm to use." dipaparkan, sila tunggu mesej tersebut padam.
	Gangguan bekalan elektrik semasa memasak.	Aturcara memasak dan mod yang dipilih akan dipadamkan. Sambungkan masakan secara manual.
	Lampu ketuhar padam apabila mod Proof .	Ia merupakan operasi biasa bagi mengelakkan permukaan doh dikeringkan.
	Lampu ketuhar padam semasa hapuskapan.	Ia merupakan operasi biasa. Sila rujuk halaman M-8.
	Lampu ketuhar padam apabila pintu terbuka.	Lampu ketuhar akan dipadamkan sekiranya pintu tersebut telah dibuka melebihi masa 5 minit.

CARTA PENYELESAIAN MASALAH

Keadaan tersenarai dibawah menunjukkan keadaan biasa dan bukan isyarat yang mengatakan ketuhar tersebut mengalami kerosakkan.

QUESTION / SITUATION		ANSWER
Steam (wap)	Terdapat air di dalam ketuhar apabila pintu dibuka.	Pemeluwapan berlaku di dalam ruang ketuhar. Keringkan dengan kain lembut atau sponge selepas ketuhar menjadi sejuk.
	Steam comes out of the air ventilation openings at the top of the oven.	Ia adalah biasa untuk wap terlepas dari bukaan pengudaraan pada bahagian atas ketuhar.
	Condensed water can be seen in the oven cavity.	Ia adalah operasi biasa. Wap akan kondensasi pada lantai ketuhar. Keringkan dengan kain lembut atau sponge selepas ketuhar menjadi sejuk.
	Steam comes from the door during cooking.	Periksa kedap pintu dan pastikan ia berada di dalam keadaan baik.
Bunyi bising	Bunyi semasa memasak dengan gelombang mikro.	Semasa memasak dengan gelombang mikro, anda akan dengar kitaran magnetron dari masa ke semasa bergantung kepada tahap kuasa yang digunakan.
	Bunyi selepas memasak.	Kipas penyejuk akan beroperasi sehingga ketuhar menjadi sejuk. Kipas penyejuk mungkin akan terus beroperasi sehingga 13 minit bergantung kepada suhu ketuhar dan bahagian-bahagiannya.
	Bunyi semasa memasak dengang suhu yang tinggi.	Suhu yang tinggi mungkin menyebabkan pengembangan komponen-komponen ketuhar. Ia adalah keadaan biasa.
Asap/Bau	Terdapat asap atau bau semasa penggunaan kali pertama.	Rujuk kepada halaman M-9 untuk arahan langkah-demi-langkah bersihkan ketuhar sebelum penggunaan kali pertama.
	Ruang ketuhar berbau.	Rujuk kepada Bersihkan Ketuhar Sebelum Penggunaan Kali Pertam pada halaman M-9 untuk arahan langkah-demi-langkah bagi menghilangkan bau.
Lain-lain	Masa dipaparkan dalam pengiraan undur dengan pantas.	Periksa Mod Demonstrasi pada halaman M-23 dan batalkannya.

PEMERIKSAAN SEBELUM PANGGILAN PERKHIDMATAN

Periksa senarai dibawah sebelum membuat panggilan perkhidmatan.

1. Adakah lampu paparan menyala apabila pintu dibuka atau ditutup? Ya _____ Tidak _____
2. Apabila pintu dibuka, adakah lampu ketuhar menyala? Ya _____ Tidak _____
3. Letakkan satu cawan air (lebih kurang 250ml) di dalam gelas dan tutup pintu dengan selamatnya.

Lampu ketuhar akan padam jika pintu ditutup dengan baik.

Aturcarakan ketuhar beroperasi dalam jangkamasa satu minit dengan tahap kuasa gelombang mikro 100%. Pada kaedah ini:

- A. Adakah lampu ketuhar menyala? Ya _____ Tidak _____
 - B. Adakah kipas penyejuk berfungsi? Ya _____ Tidak _____
- (Letakkan tangan anda lepasi bukaan pengudaraan)
- C. Adakah icon Gelombang  Mikro muncul pada paparan? Ya _____ Tidak _____
 - D. Selepas satu minit, adakah kedengaran bunyi isyarat? Ya _____ Tidak _____
 - E. Adakah air di dalam ketuhar menjadi panas? Ya _____ Tidak _____
4. Alihkan air daripada ketuhar dan aturcarakan ketuhar untuk 5 minit dengan Convection, Oven 250°C
- A. Adakah icon Convection  muncul pada paparan? Ya _____ Tidak _____
 - B. Selepas ketuhar berhenti, adakah ruang ketuhar panas? Ya _____ Tidak _____

5. Isikan air ke dalam tangki air dan letak semula.

Operasikan ketuhar untuk 3 minit pada Manual Steam High.

Setelah ketuhar berhenti, adakah ruang ketuhar dipenuhi wap?

Jika "Tidak" adalah jawapan dimana-mana soalan yang tersenarai diatas, sila periksa soket dinding dan pemutus litar anda. Jika soket dan pemutus litar berfungsi dengan sempurna, HUBUNGI PUSAT SERVIS TERDEKAT YANG DILULUSKAN OLEH SHARP.

PENTING: Jika tiada sebarang paparan walaupun bekalan kuasa dipasangkan dengan sempurna, Mod Penjimatan Tenaga mungkin tengah beroperasi. Buka dan tutup pintu untuk operasikan ketuhar. Rujuk "Memulakan Kendalian" pada halaman M-9.

NOTA:

1. Jika masa dipaparkan dalam pengiraan undur dengan pantas, Periksa Mod Demonstrasi (rujuk pada halaman M-23 untuk keterangan lanjut).
2. Jika ketuhar ditetapkan melebihi 4 mint pada tahap kuasa Gelombang Mikro 100%, kuasa akan dikurangkan bagi mengelakkan daripada terlampau panas. Akhirnya kuasa akan menjadi 70% selepas 6 minit.

SPESIFIKASI

Voltan Arus Ulangalih VAC	:	Rujuk kepada label pengedaran
Kuasa Diperlukan	:	Gelombang Mikro 1.16 kW Perolakan 1.55kW
Kuasa Keluaran	:	Gelombang Mikro 800W *(Aturcara pengujian IEC)
	:	Perolakan 1.45 kW
Frekuensi Gelombang Mikro	:	2450 Mhz **(Kelas B/Group 2)
Dimensi Luaran	:	553mm(W) x 438mm (H) x 483mm (D)***
Dimensi Ruang	:	359mm(W) x 256mm (H) x 339mm(D)
Kapasiti Ketuhar	:	31 liter ****
Berat	:	Lebih kurang 24 kg

“* Pengukuran ini berasaskan piawaian International Electrotechnical Commission untuk mengukur kuasa keluaran.

“** Ia merupakan klasifikasi oleh peralatan ISM (Industrial, Scientific dan Medical) yang diterangkan dalam International Standard CISPR11.

“*** Kedalaman tidak mengira pemegang pintu.

“**** Kapasiti dalaman diukur dengan keluasan maksima, dalaman dan ketinggian. Kapasiti sebenar untuk mengisi makanan adalah lebih kecil.

PANDUAN MEMASAK

Mengenai Ketuhar Anda

Manual operasi ini sangat berguna: baca dengan teliti dan simpan untuk rujukan.

Harus diingat, tidak sama seperti ketuhar gelombang mikro yang biasa, ketuhar Super Steam mencenderongkan lampau panas dengan SuperSteam Convection (Perolakan SuperSteam), Convection (Perolakan) atau Steam (Mengukus).

Ketuhar ini digunakan untuk menyediakan masakan. Jangan menggunakannya untuk mengeringkan kain atau suratkhabar.

Mengenai Pilihan Memasak

Ketuhar anda mempunyai pelbagai pilihan memasak dimana ia dibahagikan kepada secara automatik dan manual. Perolakan SuperSteam, Mengukus dan GelombangMikro mempunyai kedua-dua pilihan samada automatik atau manual. Perolakan hanya mempunyai kaedah manual.

SuperSteam Convection (Perolakan SuperSteam)

SuperSteam merupakan gabungan dengan pemanas perolakan, dimana ia boleh membakar lemak yang berlebihan pada makanan. Makanan tersebut akan mengekalkan kelembapannya. Daging dan ayam kelihatan perang, berair dan berperisa.

Steam (Mengukus)

Mengukus memasak makanan dengan perlahan-lahan disamping mengekalkan kelembapan, perisa semulajadi dan zat-zat. Anda boleh menggunakan Steam Reheat untuk panas semula masakan dalam bekas logam.

Convection (Perolakan)

Perolakan, membakar, broil dan brown. Biskut, kek, roti, muffin, dan gegulung boleh dibakar pada satu atau dua aras. Tiada tetapan automatik untuk perolakan.

Microwave (Gelombang Mikro)

Gelombang mikro adalah cepat dan mudah untuk memasak dan penyahbekuan.

PANDUAN MEMASAK

Mengenai Utensils dan Penutup

Carta tersenarai dibawah akan membantu anda dalam memilih jenis utensil dan penutup yang sesuai digunakan dalam setiap mod masakan.

Utensil / Penutupan	Mod Memasak	Perolakan SuperSteam / Perolakan	Mengukus	Gelombang Mikro
Kerajang Aluminium, Bekas Kerajang		YA	YA	YA
				Kepingan kerajang aluminium yang rata diletakkan lancar pada makanan boleh digunakan untuk melindungi kawasan dari dimasak atau penyahbekuan yang terlalu cepat. Pastikan kerajang sekurang-kurangnya 2 cm dari dinding ketuhar.
Logam		YA	YA	TIDAK
China, Seramik		YA	YA	YA
		Porcelain kalis-oven, tembikar, tembikar berlapis dan bone china biasanya sesuai digunakan. Jangan gunakan bekas itu jika ia mempunyai kecacatan.		Semak saranan pengilang untuk gelombang mikro yang selamat. Jangan gunakan bekas jika ia mempunyai kecacatan.
Glassware Tahan haba cth Pyrex®		YA	YA	YA
		Penjagaan harus diambil jika menggunakan kaca halus kerana ia boleh memecahkan atau retak jika dipanaskan tiba-tiba.		
Plastik / Polistirena tahan haba lebih 140 ° C		TIDAK	YA	YA
			Penjagaan perlu diambil kerana sebahagian bekas akan meleding, meluntur atau meluntuh warna pada suhu tinggi.	Gunakan bekas plastik yang selamat microwave untuk memanaskan dan penyahbekuan. Sebahagian plastik-selamat mikro tidak sesuai untuk memasak makanan dengan kandungan yang tinggi. Ikut arahan pengilang.
Balut plastik tahan haba lebih 140 ° C		TIDAK	YA	YA
Kertas Tuala, Pinggan kertas		TIDAK	TIDAK	YA
				Kertas tuala : Untuk menampung panas semula dan memasak. Jangan gunakan kertas tuala kitar semula yang mungkin mengandungi film logam. Pinggan kertas: Untuk panas semula.
Bekas yang diperbuat daripada bahan sintetik		TIDAK	TIDAK	TIDAK
		Ia boleh cair pada suhu yang tinggi.		
Kertas membakar		YA	YA	TIDAK
		Jangan sentuh dinding ketuhar kerana ia boleh dibakar. Pastikan ianya tahan haba.		
Beg memanggang		YA	TIDAK	YA
		Beg memanggang hanya harus digunakan dengan perolakan.		Ikut arahan pengilang.
Piring perak, perkakas memasak atau bekas yang mungkin berkarat di dalam ketuhar		TIDAK	TIDAK	TIDAK
Rak, Dulang Membakar		YA	YA	TIDAK

Perkakas perlu diperiksa untuk memastikan bahawa ianya adalah sesuai untuk digunakan dalam setiap mod memasak. Apabila memanaskan makanan dalam bekas plastik, sila beri perhatian khusus kepada suhu lebur bekas. Jangan memanaskan bekas plastik melebihi suhu lebur. Pengawasan diperlukan pada oven kerana kemungkinan lebur dan pencucuhan.

PANDUAN MEMASAK

AKSESORI Terdapat banyak jenis aksesori memasak gelombang mikro atau kalis-haba boleh dibeli. Nilaiikan secara berhati-hati sebelum anda membeli aksesori yang bersesuaian dengan penggunaan anda. Termometer microwave-safe dapat menolong anda mengenalpasti kemasakan yang betul dan pastikan masakan yang anda masak dengan tahap suhu yang selamat apabila menggunakan kaedah gelombang mikro-saja. Sharp tidak bertanggungjawab atas penggunaan aksesori-aksesori yang digunakan.

Untuk memasak secara automatik, gunakan bekas yang disyorkan di dalam carta memasak yang terkandung dalam operasi manual ini atau buku masakan yang disertakan.

Perolakan SuperSteam dan Nasihat Semasa Mengukus

Terdapat beberapa teknik untuk memasak dengan cara mengukus. Ia adalah mustahak bagi mematuhi teknik-teknik ini untuk keputusan yang baik. Kebanyakan teknik sama seperti teknik masakan biasa dimana anda selalu melakukannya. Sila ikuti nasihat dibawah untuk kesemua pilihan dimana menggunakan SUPERSTEAM CONVECTION (perolakan supersteam) dan STEAM (mengukus).

NOTA:

- Sentiasa berada pada ketuhar semasa beroperasi.
- Pastikan perkakas yang sesuai digunakan untuk setiap mod memasak. (Sila rujuk Utensil dan Penutup pada halaman M-31)
- Mengadakan pengudaraan yang baik pada bilik untuk melepasi wap.
- Selepas memasak dan ketuhar menjadi sejuk, alih dan kosongkan tangki air, lapkan ruang ketuhar dengan kain kering atau sponge. Tunggu beberapa minit kemudian, kosongkan dulang titisan.

AMARAN:

Ikuti arahan-arahan di dalam manual operasi dari SHARP sepanjang masa. Jika anda memasak dengan jangka masa memasak yang terlampau panjang dan suhu yang tinggi selain daripada yang dicadangkan, makanan akan menjadi terlampau masak, hangus, dan akan mengakibatkan kebakaran dan merosakkan ketuhar dalam keadaan yang ekstrem.

Nasihat Khas untuk STEAM (mengukus)

Teknik Memasak	
Bekas	Pastikan makanan disusun dengan seratnya. Makanan yang disusun dengan ruang yang sempit memerlukan jangka masa memasak yang lebih panjang, pastikan makanan diletakkan pada ruang yang secukupnya untuk membenarkan wap panas diedar disekelilingnya. Bekas yang cetek adalah paling sesuai digunakan. Tidak disyorkan memasak dengan bekas yang tebal sebab jangka masa memasak perlu dilanjutkan. Untuk kecekapan mengurangkan garam dan lemak, sila letakkan makanan secara langsung diatas dulang. Jika makanan tersebut diletakkan pada piring, sila lapkan air yang akan menitis dari piring tersebut.
Penutup	Kebanyakan penutup tidak diperlukan. Jika penutup diperlukan, kepingan aluminium disyorkan untuk mengelakkan makanan daripada dibasahi oleh kondensasi wap di dalam ruang ketuhar. Makanan bertutup memerlukan jangka masa memasak yang lebih panjang.
Pintu	Untuk jangka masa memasak yang lebih tepat, pastikan pintu sentiasa ditutup.
Mengacau	Ada masanya didapati sup atau panas semula dengan kaserol di dalam kaserol tanpa penutupnya nampak berair selepas dimasak. Adalah lebih baik jika dikacau dengan sekata.
Masa Biar	Disyorkan makanan dibiarkan seketika agar kepanasan tersebar dengan sekata. Jangan biarkan makanan terlalu lama; berkemungkinan makanan menjadi terlampau masak atau dibasahi oleh sisa wap.

Petunjuk Memasak	
Celur	Steam(mengukus) boleh digunakan untuk mencelur sayuran dalam persediaan pembekuan. Letakkan sayuran diatas piring dan masak dengan STEAM, MANUAL, STEAM HIGH untuk 4 hingga 5 minit. Selepas itu, siramkan dengan air sejuk bagi penyejukan mendadak. Kering dan membekukannya.
Makanan Masin	Untuk sebahagian makanan yang lebih masin, seperti ikan masin, bacon dll, rasa masin boleh dikurangkan dengan mengukus sebelum memasak. Letakkan makanan masin pada rak secara langsung dan STEAM, MANUAL STEAM HIGH untuk masa 4 hingga 5 minit.

PANDUAN MEMASAK

-Panduan Kepada Perolakan SuperSteam dan Mengukus

Ciri-Ciri Makanan	
Ketumpatan	Kepadatan makanan akan menjejaskan jangkamasa memasak yang diperlukan. Potongkan makanan ke bahagian kecil atau nipis, dan atur dalam lapisan tunggal.
Kuantiti	Jangkamasa memasak yang lebih panjang diperlukan jika kuantiti makanan yang dimasak di dalam ketuhar ditambah.
Saiz	Makanan yang bersaiz kecil memerlukan jangkamasa memasak yang lebih singkat berbanding dengan makanan yang bersaiz besar dimana haba dapat menembusi semua bahagian makanan sehingga ketengah. Untuk masakan yang lebih sekata, sediakan makanan dengan saiz yang sama.
Rupabentuk	Makanan yang tidak teratur dalam bentuk, seperti dada ayam atau drumstick, mungkin mengambil masa yang lama untuk memasak di bahagian tebal. Periksa bahagian-bahagian ini dimasak dengan sempurna sebelum dihidangkan.
Suhu Makanan	Suhu makanan semasa akan mengakibatkan jumlah jangkamasa memasak yang diperlukan. Makanan dalam keadaan beku atau disejukkan memerlukan jangkamasa yang lebih panjang daripada makanan yang bersuhu bilik. Suhu pada bekas tidak mewakili suhu pada makanan atau minuman.
Perasa & perisa	Perasa atau perisa lebih baik ditambah selepas memasak. Jika ia ditambah sebagai perapan, rasa tersebut akan menjadi lebih tawar semasa memasak. Tambahkan perisa atau perasa selepas memasak jika perlu.

NOTA:

- Pastikan hidangan dimasak sepenuhnya atau dipanas semula sebelum dihidangkan.
- Jangkamasa memasak akan dipengaruhi oleh bentuk, kedalaman, kuantiti, dan suhu makanan bersama-sama dengan bentuk, saiz, dan bahan bekas.
- Jangan memanaskan minyak atau lemak untuk menggoreng dimana ia akan mengakibatkan kebakaran. Penjagaan harus diambil untuk makanan yang berlemak atau gula (contohnya pudding Krismas) yang tinggi dimana ia akan mengakibatkan kebakaran yang terlampau dan kebakaran.

Muka & Tangan: Sentiasa gunakan sarung tangan ketuhar yang tebal untuk mengeluarkan makanan atau alat memasak dari ketuhar. Berhati-hati apabila membuka pintu ketuhar untuk membolehkan wap panas terlepas daripada ruang ketuhar. Jangan keluarkan makanan dari ketuhar dengan tangan kosong.

Periksa suhu makanan dan minuman dan kacau sebelum dihidangkan. Berhati-hati apabila makanan dihidangkan kepada bayi, kanak-kanak atau warga tua.

PANDUAN MEMASAK

Panduan Untuk Memasak Dengan Gelombang Mikro

- Nota Khas dan Amaran bagi GELOMBANG MIKRO (MICROWAVE) –

	DO	DON'T
Telur, buah-buahan, kacang, bijian, sayur-sayuran, sosej dan tiram.	- Cucuk telur kuning dan putih dan tiram semasa memasak untuk mengelakkan daripada "letupan". - Cucuk kulit kentang, epal, skuasy, hot dog, sosej dan tiram untuk melepaskan wap panas.	- Jangan memasak telur dalam cengkerang. ini menghalang "letupan", yang boleh merosakkan ketuhar atau mencederakan anda. - Memasak telur rebus keras / lembut. - Terlampau memasak tiram. - Kacang kering atau bijian dalam cengkerang.
Popcorn	- Gunakan beg khas untuk popcorn di dalam microwave. - Mendengar bunyi pop popcorn yang akan berkurangan dalam masa 1-2 saat.	- Popcorn Pop dalam beg coklat biasa atau mangkuk kaca kalis microwave. - Melebihi masa maksimum pada bungkusan popcorn.
Makanan Bayi	- Pindahkan makanan bayi ke hidangan kecil dan panas dengan teliti, sering kacau dengan sekata. Periksa untuk suhu yang sesuai untuk mengelakkan daripada melecur. - Keluarkan penutup skru dan puting sebelum memanaskan botol bayi selepas dipanaskan goncang dengan teliti. Periksa untuk suhu yang sesuai.	- Botol yang hanya boleh dipanaskan sekali. - Lampaupanaskan botol bayi. - Hanya dipanaskan sehingga suam - Panaskan botol dengan puting. - Panaskan makanan dalam bekas asalnya.
Kaedah Am	- Makanan dengan filling harus dipotong selepas dipanaskan, untuk melepaskan wap dan mengelakkan tercedera. - Gunakan mangkuk yang dalam apabila memasak cecair atau bijirin untuk mengelakkan limpahan.	- Memasak dalam balang kaca yang tertutup atau bekas kedap udara. - Mengoreng lemak. - Keringkan kayu kering, herba, kertas basah, pakaian atau bunga.
Cecair (Minuman)	Untuk mendidih atau masak bahan cecair lihat AMARAN pada halaman M-1-2 untuk mencegah letupan dan didihan letusan tertangguh.	Dipanaskan untuk lebih lama daripada yang disyorkan.
Makanan dalam tin	Keluarkan makanan daripada tin.	Panas atau memasak dalam tin.
Sausage rolls, Pies, Christmas pudding	- Memasak mengikut jangka masa yang disyorkan. (Makanan jenis ini mengandungi tahap lemak dan gula yang tinggi)	Terlampau masak akan mengakibatkan kebakaran.
Daging	Gunakan rak kalis-gelombang mikro pinggan untuk mengumpul jus yang disalurkan.	* Letakkan daging secara langsung pada lantai seramik ketuhar untuk memasak.
Utensils (pinggang mangkuk, alat dapur)	Periksa samada utensil atau pinggang mangkuk yang sesuai digunakan untuk memasak dengan gelombang mikro.	Gunakan utensil logam untuk memasak dengan gelombang mikro. Logam akan memantul tenaga gelombang dan menyebabkan discharge yang dikenali sebagai arcing.
Kepingan Aluminium	- Gunakan untuk melindungi makanan untuk mencegah lebih memasak. - Perhatikan cetusan. Kurangkan kepingan tersebut atau menjauhi rongga ketuhar.	- Penggunaan yang berlebihan. - Letakan makanan dengan balutan yang terlampau dekat dengan rongga ketuhar. Cetusan akan merosakkan dinding ketuhar.

PANDUAN MEMASAK

- Panduan Untuk Gelombang Mikro-

Teknik-teknik Memasak	
Aturkan makanan dengan cermat	Letakkan bahagian tebal ke arah luar hidangan.
Mengawasi jangka masa memasak	Memasak untuk jangka masa yang singkat seperti yang dinyatakan dan menambah lebih banyak masa seperti yang diperlukan. Makanan yang terlampaui masak boleh berasap atau terbakar.
Menutup makanan sebelum memasak	Periksa resipi untuk cadangan: tuala kertas, pembalut ketuhar plastik atau tudung. Ia melindungi dan mengelakkan percikan dan membolehkan makanan dimasak secara rata. (Membantu menjaga kebersihan ketuhar).
Melindungi Makanan	Gunakan kepingan aluminium untuk menutup bahagian nipis bagi daging atau ayam untuk mengelakkan daripada terlampaui masak. Dari luar ke pusat hidangan sekali atau dua kali semasa memasak, jika boleh.
Mengacau makanan	Makanan seperti ayam, burger atau stik hendaklah dibalikkan lebih sekali semasa memasak.
Balikan makanan	
Susun semula makanan	Susun semula makanan seperti bebola daging separuh masak dari atas ke bawah dan dari pusat hidangan ke luar.
Masa Biar (Standing Time)	Selepas memasak, pastikan masa biar yang mencukupi. Keluarkan makanan dari ketuhar dan kacau jika boleh. Tutup semasa masa biar boleh membenarkan makanan dimasak sepenuhnya.
Periksa kekemasan	
Kondensasi	Lihatlah tanda-tanda yang menunjukkan bahawa suhu masakan telah dicapai. Masakan yang cukup dimasak mempunyai tanda-tanda termasuk: -Wap terlepas dari seluruh makanan, bukan hanya di pinggir; -Sendi ayam boleh ditanggal dengan mudah; -Daging dan ayam tidak menunjukkan sebarang warna merah; -Ikan menjadi legap dan senang dikepingkan dengan garpu.
Pembalut plastik kalis-gelombang mikro	Ia adalah keadaan biasa dengan menggunakan gelombang mikro. Kelembapan dalam makanan akan mempengaruhi jumlah kelembapan dalam ketuhar. Secara umumnya, makanan yang ditutup tidak akan menyebabkan pemeluwapan yang banyak berbanding dengan makanan yang tidak ditutup. Pastikan bahawa bukaan pengudaraan tidak disekat.
Alat memasak plastik kalis gelombang mikro	Untuk memasak makanan dengan kandungan lemak yang tinggi, jangan menyentuh makanan dengan pembalut tersebut kerana ia boleh dicairkan dalam suhu panas.
Kek / daging cincang gulung	Sesetengah alat plastik kalis gelombang mikro tidak sesuai untuk memasak makanan dengan kandungan lemak dan gula yang tinggi. Untuk memasak kek atau daging cincang gulung, letakkan bekas pada piring cetek dengan bahagian kalis haba diterbalikan.

- Panduan Untuk Penyahbekuan-

Defrosting Techniques	
Aturan	Susun makanan di lapisan tunggal walaupun pada hidangan cetek. Ini akan memastikan bahawa semua bahagian makanan dinyahbekukan dengan rata.
Asingkan	Makanan boleh melekat apabila dikeluarkan dari peti sejuk. Ia adalah penting untuk mengasingkan secepat mungkin semasa penyahbekuan, misalnya. stik, chop.
Masa Biar (STANDING TIME)	Tetap masa adalah perlu untuk memastikan makanan dinyahbekukan dengan sempurna. Makanan mesti dibiarkan, dilindungi, untuk jangka masa untuk memastikan bahagian tengah makanan juga dinyahbekukan dengan sepenuhnya.

Nota:

- Alihkan sebarang pembalut atau bungkusan sebelum penyahbekuan.

CARTA MEMASAK SECARA AUTOMATIK

Panduan Menu Perolakan SuperSteam

Resipi Masakan Sempurna

Stik Salmon dengan Bayam dan Kentang Bakar

[Alatan Dapur (utensil)]

Kaserol hidangan besar dan cetek

2 dulang membakar

Rak

[Bahan-bahan untuk Stik Salmon]

4 Stik Salmon (Lebih kurang 200 g setiap satu)

Jus Lemon 1 biji

Serbuk Lada hitam untuk perasa

[Bahan-bahan untuk Spinach Bake]

Minyak zaitun untuk sapuan pinggan

400g Bayam yang dinyahbekukan, keringkan

Garam and serbuk lada untuk perasa

Buah pala untuk perencah

500g Kentang yang telah dimasak, buang kulit

dan potong dalam kepingan yang sekata.

150g Crème Fraîche

100ml Susu

Hidangan untuk 4 orang

[Cara-cara]

1. Bersih dan keringkan stik Salmon Taburkan dengan jus lemon jika dikehendaki. rencah dengan serbuk lada hitam.

2. Letakkan stik Salmon pada dulang membakar. Letakkan pada bahagian atas.

3. Sapukan sedikit minyak zaiton pada kaserol hidangan besar dan cetek. Recahkan daun bayam dengan garam dan serbuk lada dan campurkan dengan sekatanya.

4. Taburkan ½ campuran bayam tadi untuk meliputi dasar kaserol hidangan besar dan cetek, diikuti dengan ½ lapisan kepingan kentang.

5. Campurkan Crème fraîche dengan susu, garam dan lada putih dan tuangkan sekata ke atas sayuran tersebut. Tambah perasa dengan buah pala.

6. Letakkan kaserol hidangan besar dan cetek pada dulang membakar. Letakan pada bahagian bawah.

7. Masak menggunakan 'SuperSteam Convection, AUTO, COMPLETE, MEALS, SALMON STEAKS WITH POTATO BAKE'.

8. Setelah memasak, dibiarkan dengan penutup kepingan aluminium selama 5 minit.

Dada Ayam dengan Memanggang Sayuran Gaya Mediterranean.

[Alatan Dapur]

1 Dulang membakar

Rak

[Bahan-bahan untuk Ayam]

3 sudu besar Kicap Cair

3 sudu besar White Wine

2 ulas Bawang putih, dihancurkan

Lada hitam untuk perasa

4 Dada Ayam

(Lebih kurang 200g setiap satu)

4 sudu besar tepung jagung

[Bahan-bahan untuk memanggang Sayuran Gaya Mediterranean]

75g Asparagus

1 sudu besar minyak zaiton

Garam dan lada putih untuk perasa

1 sudu besar Rosemary Segar

200g Kentang kuib ke dalam 2cm

1 Bawang Merah, dihiris

100g Tomato, dihiris 1/4

100g Terung, dihiris

1 Kapsikum Kuning, dihiris

Hidangan untuk 4 orang

[Cara-cara]

1. Dalam mangkuk besar, campurkan kicap, wine, bawang putih dan lada hitam.

2. Masukkan ayam dan perapkan untuk 1 jam.

3. Tambahkan tepung jagung dan campurkan sehingga daging ayam diliputi sepenuhnya.

4. Potongkan bahagian bawah Asparagus yang keras, dan potongkan ke dalam 3 bahagian yang sekata lebih kurang dalam 4 sm panjangnya.

5. Dalam mangkuk besar, campurkan minyak zaiton, garam, lada putih dan rosmery. Tambahkan kesemua sayuran dan dicampurkan dengan sekatanya.

6. Letakkan sayuran secara langsung dalam dulang membakar, pada bahagian kanan.

7. Letakkan ayam pada rak, dibahagian kiri letakan rak tersebut ke dalam dulang membakar. Letakan dulang membakar pada bahagian atas.

8. Masak dengan 'SuperSteam Convection, AUTO, COMPLETE MEALS, CHICKEN BREAST WITH ROASTED VEG'.

9. Setelah dimasak, biarkan dengan penutup kepingan aluminium selama 5 minit.

CARTA MEMASAK SECARA AUTOMATIK

Masakan Gaya China Daging Lembu dengan Mi

[Alatan Dapur]

Kaserol hidangan cetek besar

Kaserol hidangan cetek kecil

2 Dulang membakar

[Bahan-bahan]

400g	Stik Punggung Lembu
1 sudu besar	Kicap Soya Cair
1 sudu besar	White Wine
1/2 sudu kecil	Gula
1 sudu kecil	Minyak Bijan
2 sudu kecil	Tepung Jagung
1 sudu besar	Halia, diparut
1 sudu besar	Sos Tiram
1.5 sudu besar	Bawang putih, diketuk
1	Cili Padi, benih dikeluarkan, dicin cang halus
100 ml	Stok Daging Lembu Panas
3 sudu besar	Kacang Hitam (dalam tin), dicincang (Atau kacang buah ping gang dalam tin)
1/2	Kapsikum hijau, dihiris
1 Bawang	besar, dicincang
5 Bawang	merah, dihiris
400g	Mi Telur Segar
11/2	cawan Air Sejuk

Hidangan untuk 4 orang

Memanggang Anak Kaki Kambing dengan Kentang Panggang, Lobak Merah dan Turnips

[Alatan Dapur]

Kaserol hidangan cetek kecil

2 Dulang Membakar

[Bahan - bahan]

1kg	Kaki Anak Kambing den gan tulang
1 sudu besar	Minyak Zaitun Garam dan Lada secukup untuk perisa
1 sudu besar	Rosemary Segar
Kentang Bayi 500g,	dipo tong pada separuh
Carrot 200g,	dipotong dadu
Turnips 200g,	dipotong dadu
8 sudu besar	Air Sejuk

Hidangan untuk 4 orang

Panggang Daging dengan Kentang

[Alat Dapur]

1 Dulang pembakar

Rak

[Bahan - bahan]

1/4 cawan Parsli segar,	dicincang
1 sudu besar	Ketumbar segar dicincang
1 sudu besar	chives segar dicincang
	Sudu 1/4 lada hitam
	Garam dan lada secukup rasa
	Minyak untuk sapu
	Daging lembu panggang
	1kg
	Bayi kentang 800g

Hidangan untuk 4-6

[Cara-cara]

1. Potongkan daging lembu dalam bentuk jejalur.
2. Dalam mangkuk besar, campurkan kicap, wine, gula, minyak bijan, tepung jagung, halia, sos tiram, bawang putih dan cili.
3. Tambahkan stok lembu panas pada campuran tadi.
4. Tambahkan kacang hitam, kapsikum, bawang besar, bawang merah dan stik. Campurkan dengan sekatanya.
5. Tuangkan campuran ke dalam Kaserol hidangan cetek besar. Letakkan hidangan ke dalam dulang membakar. Letakkan dulang pada bahagian atas.
6. Letakkan mi telur segar ke dalam Kaserol hidangan cetek kecil ditutupi dengan air sejuk. Letakkan hidangan ke dalam dulang membakar yang satu lagi. Letakkan dibahagian bawah.
7. Masak dengan menggunakan 'SuperSteam Convection, AUTO, COMPLETE MEALS, CHINESE BEEF WITH NOODLES'.
8. Alirkan mi tersebut, kacaukan daging lembu tersebut dengan segera dan biarkannya selama 5 minit sebelum dihidangkan.

[Cara-cara]

1. Letakkan Kaki Anak Kambing secara langsung dalam dulang pembakar. Sapukan dengan minyak zaitun dengan lada garam, dan rosemary. Letakkan dulang pembakar di atas kedudukan atas.
2. Berus kentang dengan minyak zaitun. Tempatkan di sebelah kiri pada dulang pembakar lain.
3. Letakkan lobak merah dan turnips ke hidangan Kaserol hidangan cetek kecil, tambah air sejuk dan tutup dengan kepingan aluminium. Letakkan hidangan ke dalam dulang pembakar.
4. Letakkan dulang pembakar pada kedudukan dibahagian bawah.
5. Masak menggunakan 'SuperSteam Convection, AUTO, COMPLETE MEALS, ROAST LEG OF LAMB WITH ROASTED VEG'.
5. Dibiarkan selama 5 minit selepas memasak.

1. Pra-panaskan adalah dipra-diprogramkan. Pilih menu, hasil memasak yang dikehendaki dan tekan START untuk prapanaskan.
2. Dalam mangkuk kecil, menggabungkan pasli, ketumbar dan chives. Campurkan sehingga sebati. Sebarkan campuran herba atas papan pemotong yang bersih.
3. Sekata berus daging dengan minyak. Gulung daging lembu di seluruh lapisan herba campuran, sama rata. Perasakan dengan garam dan lada. Diketepikan.
4. Cuci dan potong kentang bayi dalam separuh.
5. Letakkan daging di atas rak dalam dulang pembakar. Sekata letakkan kentang sekitar daging lembu di atas rak.
6. Selepas prapemanasan, letakkan dulang pembakar pada kedudukan yang lebih rendah.
7. Masak menggunakan 'SuperSteam Convection, AUTO, COMPLETE MEALS, ROAST BEEF WITH POTATOES'.
7. Selepas memasak, biarkan ditutup dengan kerajang aluminium selama 10-15 minit.

CARTA MEMASAK SECARA AUTOMATIK

Bayam dan Ricotta Cannelloni

[Alatan Dapur]

Pinggan kaserol cetek dan besar

1 Dulang pembakar

[Bahan - bahan]

250g	paket Bayam beku, dinyah-bekukan
500g	Keju Ricotta rendah lemak
	Secubit serbuk buah pala
	Garam dan lada secukup rasa
12 tiub	Cannelloni segera
500g	jar sos pasta tomato selasih
2 sudu besar	Keju Cheddar diparut

Hidangan untuk 4 orang

[Cara-cara]

1. Keringkan bayam dan perah untuk mengeluarkan apa-apa cecair yang berlebihan.
2. Dalam mangkuk besar, tambah bayam, keju Ricotta, buah pala, garam dan lada. Campurkan sehingga sebat.
3. Letakkan campuran ke dalam beg paiping. Isikan tiub Cannelloni dengan perlahan-lahan dan menekan beg paiping sehingga setiap tiub dipenuhi. Letakkan tiub dalam satu lapisan dalam hidangan kaserol cetek yang besar.
4. Tuangkan sos pasta meliputi Cannelloni. Ratakan sos ke atas pasta menggunakan belakang sudu untuk memastikan liputan yang sekata.
5. Taburkan keju cheddar ke atas pasta.
6. Letakkan pinggan kaserol di atas dulang pembakar. Letakkan dulang pembakar pada kedudukan atas.
- Masak menggunakan 'SuperSteam Convection, AUTO, COMPLETE MEALS, SPINACH AND RICOTTA CANNELLONI'.
7. Selepas masak dibiarkan selama 5 minit.

Nasi Sayur dengan Udang

[Alatan Dapur]

1 Dulang pembakar

[Bahan - bahan]

1, Lobak merah, diparut	
100g	kacang hijau, dihiris
1/2 bawang, dipotong menjadi suku	
125g	Jagung isirong dalam tin
2 1/2 cawan	Air
1 sudu kecil	Serbuk sayur-sayuran
2 cawan	Beras, dibilas
150g	Udang masak dikupas, dipo-
	tong menjadi kepingan kecil
	Garam dan lada secukup rasa

Hidangan untuk 4 orang

[Cara-cara]

1. Dalam mangkuk besar, campurkan lobak merah, kacang, bawang dan jagung. Tambah air dan stok sayur-sayuran. Campurkan sehingga sebat.
2. Terus tambah beras, udang, garam dan lada. Campurkan sehingga sebat.
3. Berhati-hati tuangkan campuran ini ke dalam dulang pembakar dan disebar serata. Letakkan dulang pembakar pada kedudukan atas.
4. Masak menggunakan 'SuperSteam Convection, AUTO, COMPLETE MEALS, VEGETABLE RICE WITH PRAWNS'.
5. Selepas masak, dibiarkan selama 5 minit.

Ayam Panggang dengan Kentang dan Parsnips

[Alatan Dapur]

1 Dulang pembakar

Rak

[Bahan - bahan]

1 sudu besar	Minyak
1/2 sudu kecil	Stok Ayam
1/2 sudu kecil	Oregano
	Garam dan Lada secukup untuk perasa
1 kg	Ayam
	Bayi kentang 500g
	Parsnips 300g

Hidangan untuk 4 orang

[Cara-cara]

1. Prapans telah diaturcarakan terlebih dahulu. Pilih menu, memasak yang dikehendak dan tekan START untuk prapanaskan.
2. Dalam mangkuk kecil, campurkan minyak, stok ayam, oregano, garam dan lada. Campurkan sehingga sebat.
3. Sapukan ayam dengan campuran minyak dengan sekatanya. Ikat kaki ayam bersama-sama. Diketepikan.
4. Basuh kentang bayi dan parsnips. Kentang dipotong pada separuh, dan memotong parsnips ke kuarters.
5. Letakkan dada ayam sebelah di atas rak dalam dulang pembakar. Tabur rata kentang dan parsnips sekitar ayam di atas rak.
6. Selepas prapemanasan, letakkan dulang pembakar di atas kedudukan atas.
7. Masak menggunakan 'SuperSteam Convection, AUTO, COMPLETE MEALS, ROAST CHICKEN WITH POTATOES'.
8. Selepas memasak, biarkan ditutup dengan kepingan aluminium selama 10 minit.

CARTA MEMASAK SECARA AUTOMATIK

SUPERSTEAM GRILL (MEMBAKAR DENGAN WAP LAMPAU PANAS)

Nama Menu	Julat Berat (Unit meningkat)	Aturcara	Kedudukan Dulang Mem- bakar
Kaki Ayam (suhu semasa 3°C)	0.2 – 1.0 kg (100g)	• Perasakan dengan garam, lada hitam dan paprika. • Cucuk kulit kaki ayam. • Letakkan kaki ayam atas rak, kulit sebelah bawah, dulang pembakar. • Selepas memasak, hidangkan diatas piring.	Atas
Stik Ayam (suhu semasa 3°C)	0.25 – 1.00 kg (50g)	• Perasakan dengan garam, lada hitam dan paprika. • Letakkan stik ayam di atas rak dalam dulang pembakar. • Selepas masak, dibiarkani selama 5 minit.	Atas
Ikan Panggang (suhu semasa 3°C)	0.2 – 1.0 kg (100g) Ikan penuh	• Buat beberapa belahan pada kulit ikan. • Sapukan dengan minyak. Tempatkan ikan di atas rak dalam dulang pembakar dan letakkan di dalam ketuhar. • Selepas memasak, tempat di atas piring dan hidangkan.	Atas
Rentetan Panggang (suhu semasa 3°C)	0.20 – 0.80 kg (50g)	• Sediakan retetan panggang merujuk kepada resipi bawah. • Letakkan di atas rak dalam dulang pembakar. • Selepas masak, keluarkan dan letakkan di atas pinggan untuk dihidang.	Atas

RECIPI UNTUK KEBAB

Kebab Kambing

[Bahan - bahan]

400g	Hirisan Daging Goreng 400g
100g	Daging Perut Salai
2 Labu Bawang (100 g), dipotong 4	
4 Biji	Tomato (250 g), dipotong 4
1/2 Lada Hijau (100 g), dalam lapan keping	
4 sudu besar	Minyak
2 sudu kecil	Paprika
	garam
1/2 sudu kecil	Lada merah
1 sudu kecil	sos worcester

[Cara-cara]

1. Potong hirisan daging goreng dan perut daging ke kiub 2-3 cm.
2. Cucukkan daging dan sayur-sayuran selang-seli pada empat lidi kayu (lebih kurang 25cm panjang).
3. Campurkan minyak dengan rempah dan sapu menyeluruh pada kebab. Letakkan kebab di atas rak dalam dulang pembakar.
4. Masak menggunakan 'SuperSteam Convection, AUTO, GRILL, GRILLED SKEWERS'.

CARTA MEMASAK SECARA AUTOMATIK

SUPERSTEAM ROAST (MEMANGGANG DENGAN WAP LAMPAU PANAS)

Nama Menu	Julat Berat (Unit meningkat)	Aturcara	Kedudukan Dulang Mem- bakar
Memanggang Ayam (suhu semasa 3°C)	0.9 – 2.0 kg (100g)	- Gunakan garam, lada dan paprika sebagai perasa. - Letakkan pada rak di dalam dulang membakar tanpa tutup dan masak. - Lepas memasak, tutupkan dengan kepingan aluminium dan dibiarkan selama 10 minit.	Bawah
Memanggang Daging (suhu semasa 3°C)	0.9 – 1.5 kg (100g)	- Ikat daging dengan tali - Gunakan garam, lada dan paprika sebagai perasa. - Letakkan pada rak di dalam dulang membakar tanpa tutup dan masak. - Lepas memasak, tutupkan dengan kepingan aluminium dan dibiarkan selama 10 minit.	Bawah
Memanggang Daging Lembu, Medium (suhu semasa 3°C)	1.0– 2.0 kg (100g)	- Gunakan garam, lada sebagai perasa. - Letakkan daging pada rak di dalam dulang membakar tanpa tutup dan masak. - Lepas memasak, tutupkan dengan kepingan aluminium dan dibiarkan selama 10 minit.	Bawah
Memanggang Kaki Anak Kambing (suhu semasa 3°C)	1.0– 2.0 kg (100g)	- Gunakan garam, lada dan rosmery sebagai perasa. - Letakkan pada rak di dalam dulang membakar tanpa tutup dan masak. - Lepas memasak, tutupkan dengan kepingan aluminium dan dibiarkan selama 10 minit.	Bawah

SUPERSTEAM BAKE (MEMBAKAR DENGAN WAP LAMPAU PANAS)

Nama Menu	Julat Berat (Unit meningkat)	Aturcara	Kedudukan Dulang Mem- bakar
Bekuan Pizza (Jenis Nipis, Tebal) (suhu semasa -18°C)	1 lapisan: 0.2-1.0 kg (100g) 2 lapisan: 0.2-1.0kg (100g)	- Prapanas diaturcarakan sebelumnya. Pilih menu, lapisan yang dikehendaki, kuantiti dan keputusan hidangan, kemudian tekan START untuk pra panas. - Alihkan bungkusan dan letakkan pada dulang membakar. Lepas prapanas, letakkan dulang ke dalam ketuhar. - Selepas memasak, hidangkan.	Memasak dengan 1 lapisan : Atas Memasak den- gan 2 lapisan : Atas/Bawah
Kek (suhu semasa 20°C) Kek Lobak, Kek Butter, Kek Coklat	1 lapisan (Tin kek : ± 20sm)	- Gunakan resipi tradisi atau siap beli. - Prapanas diaturcarakan sebelumnya. Pilih menu, jangkamasa memasak yang dikehendaki dan tekan START untuk prapanas. - Selepas prapanas, letakkan tin kek di dalam dulang. Letakkan dulang ke dalam ketuhar. - Lepas membakar, benarkan kek tersebut menjadi sejuk dalam tin kek selama 5 minit.	Bawah
Roti (suhu semasa 20°C)	1 lapisan (Tin Roti : ± 13x20 sm)	- Gunakan recepi resipi atau siap beli. - Prapanas diaturcarakan sebelumnya. Pilih menu, jangkamasa memasak yang dikehendaki dan tekan START untuk prapanas. - Selepas prapanas, letakkan tin di dalam dulang. Letakkan du- lang ke dalam ketuhar. - Lepas membakar, benarkan kek tersebut menjadi sejuk dalam tin selama 5 minit.	Bawah
Membakar Kentang (suhu semasa 20°C)	1 – 4 biji (1 biji : 250g)	- Prapanas diaturcarakan sebelumnya. Pilih menu, jangkamasa memasak yang dikehendaki dan tekan START untuk prapanas. - Cucuk beberapa tempat pada kentang dan letakkan pada rak di dalam dulang membakar. Lepas prapanas, letakkan dulang tersebut ke dalam ketuhar. - Lepas masak, dibiarkan dengan balutan kepingan aluminium selama 2-3 minit.	Bawah

CARTA MEMASAK SECARA AUTOMATIK

Panduan Menu Mengukus

Nama Menu	Julat Berat (Unit meningkat)	Aturcara	Kedudukan Dulang Mem- bakar															
Fresh Vegetable 1 Sayuran Segar 1 (suhu semasa 3°C) Sayuran Lembut : Zucchini, Capsicum, Broccoli, Cendawan, Asparagus	0.2-1.0 kg (100g)	• Bersihkan sayuran, keringkan air yang berlebihan. • Letakkan sayuran di dalam dulang mengukus. • Letakkan dulang mengukus pada rak di dalam dulang membakar, tanpa tutup. • Lepas masak, dibiarkan selama 1 – 5 minit.	Atas															
Fresh Vegetable 2 Sayuran Segar 2 (suhu semasa 3°C) Sayuran Keras : Lobak, Cauliflower, Keka-cang, Brussel Sprout.	0.2-1.0 kg (100g)																	
Frozen Vegetable Bekuan Sayuran (suhu semasa -18°C) Campuran sayuran, Broccoli, Peas, Lobak, Cauliflower.	0.2-1.0 kg (100g)	• Letakkan sayur-sayuran beku di dalam dulang kukus. • Letakkan dulang kukus di atas rak dalam dulang pembakar, tanpa tutup. • Selepas masak, dibiarkan selama 1-5 minit.	Atas															
Ikan Segar /Udang Segar (suhu semasa 3°C) Snapper Seluruh, Kepingan Siakap, Udang Hijau Besar	0.1-1.0 kg (100g)	• Cuci ikan dengan teliti dan membuang sisik. • Buat belahan beberapa pada kulit ikan, cucuk mata ikan. • Letakkan ikan / udang dalam dulang kukus. • Letakkan dulang kukus di atas rak dalam dulang pembakar, ditutup. • Selepas masak, dibiarkan selama 1 - 3 minit.	Atas															
Kemudahan Bekuan (Ladu) (suhu semasa -18°C)	0.1-0.5 kg (100g)	• Letakkan makanan di dalam dulang kukus. • Letakkan dulang kukus di atas rak dalam dulang pembakar tanpa tutup. • Selepas masak, dibiarkan selama 1 - 3 minit.	Atas															
Beras (suhu semasa 20°C dengan air paip) Beras Putih	Untuk hidangan 1-4 (1 hidangan)	• Basuh beras dengan teliti sehingga air mengalir bersih. • Letakkan ke dalam kaserol 2 liter dan tutup dengan air. • Letakkan hidangan di atas dulang pembakar tanpa tutup. • Selepas masak, dibiarkan selama 1-5 minit. <table><tr><td>Hidangan</td><td>1 Hidangan</td><td>2 Hidangan</td><td>3 Hidangan</td><td>4 Hidangan</td></tr><tr><td>Beras</td><td>½ cawan</td><td>1 cawan</td><td>1 ½ cawan</td><td>2 cawan</td></tr><tr><td>Air</td><td>½ cawan</td><td>1 ½ cawan</td><td>2 cawan</td><td>2 ½ cawan</td></tr></table>	Hidangan	1 Hidangan	2 Hidangan	3 Hidangan	4 Hidangan	Beras	½ cawan	1 cawan	1 ½ cawan	2 cawan	Air	½ cawan	1 ½ cawan	2 cawan	2 ½ cawan	Atas
Hidangan	1 Hidangan	2 Hidangan	3 Hidangan	4 Hidangan														
Beras	½ cawan	1 cawan	1 ½ cawan	2 cawan														
Air	½ cawan	1 ½ cawan	2 cawan	2 ½ cawan														

CARTA MEMASAK SECARA AUTOMATIK

Panduan Menu Gelombang Mikro (Microwave)

Penyahbekuan Automatik

Nama Menu	Julat Berat (Unit meningkat)	Aturcara
Stik / Chops (suhu semasa -18°C)	0.1-1.0 kg (100g)	- Balutkan bahagian nipis stik atau chops dengan kepingan aluminium. - Letakkan bahagian nipis makanan pada bahagian tengah dengan lapisan tunggal atas rak kalis gelombang mikro penyahbekuan. Jika ketulan tersebut melekat, asingkan dengan segera. - Selepas ketuhar berhenti, alihkan ketulan yang sudah dinyahbekukan, terbalikan dan lindungi bahagian yang telah dipanaskan. - Selepas masa penyahbekuan, bertutup menutup dengan kepingan aluminium selama 5 – 15 minit. - Rujuk NOTA dibawah.
Ayam (suhu semasa -18°C)	0.9-2.0 kg (100g)	- Alihkan bungkus. Balutkan kepek dan kaki dengan kepingan aluminium. - Letakkan dada pada bahagian bawah pad arak penyahbekuan kalis gelombang mikro. - Letakkan rak penyahbekuan secara langsung pada dasar ketuhar. - Selepas ketuhar berhenti, terbalikkan dan lindungi bahagian yang telah dipanaskan. - Selepas masa penyahbekuan, dibiarkan bertutup dengan kepingan aluminium selama 15 – 30 minit. - N.B. Selepas dibiarkan seketika, bilas dengan air.
Daging Panggang (Daging Lembu/ Babi/Anak Kambing) (suhu semasa -18°C)	1.0-2.0 kg (100g)	- Lindungi tulang dan tepi dengan jalur kerajang berlebar 2.5cm. - Halakan ke atas permukaan daging (jika boleh) pada rak penyahbekuan kalis gelombang mikro. - Letakkan rak tersebut secara langsung pada dasar ketuhar. - Apabila ketuhar telah berhenti, balikkan dan balutkan bahagian yang telah dipanaskan. - Selepas masa penyahbekuan, dibiarkan bertutup dengan kepingan aluminium selama 15 – 30 minit.
Daging Cincang / Sosej (suhu semasa -18°C)	0.1-1.0 kg (100g)	- Letakkan daging cincang yang beku di rak penyahbekuan kalis gelombang mikro. Balutkan bahagian tepi. - Letakkan rak tersebut secara langsung pada dasar ketuhar. - Apabila ketuhar telah berhenti, keluarkan bahagian yang telah dinyahbekukan, terbalikkan dan balutkan bahagian tepi dengan kertas aluminium. - Selepas masa penyahbekuan, dibiarkan bertutup dengan kepingan aluminium selama 5 – 20 minit. - Lihat NOTA dibawah.

Makanan yang tidak tersenarai dalam Panduan ini boleh dinyahbekukan secara manual dengan menggunakan penetapan 30% tahap kuasa.

NOTA : Untuk stik / chops, bekukan secara berasingan pada lapisan tunggal yang rata dan asingkan dengan bungkus bekuan plastik perlu. Ini untuk memastikan penyahbekuan yang sekata. Apabila membekukan daging cincang, ben tukkan dengan rata dengan saiz yang sama. Ia juga merupakan idea yang baik untuk melabel pek dengan berat yang betul.

Pengesan Memanas Semula

Nama Menu	Julat Berat (Unit meningkat)	Aturcara									
Hidangan Malam (suhu semasa 3°C)	1 hidangan (lebih kurang 400g)	- Balut dengan plastik dan cucuk 5 kali. - Letakkan pinggan tersebut pada dasar ketuhar. - Selepas masak, dibiarkan bertutup selama 2 minit. <table border="1"> <tr> <td>Daging</td><td>Kentang</td><td>Sayuran</td></tr> <tr> <td>175 – 180 g</td><td>125 g</td><td>100 g</td></tr> <tr> <td>Daging lembu, daging anak kambing, ayam (dihiris), Tulang-T</td><td>Dihiris</td><td>Lobak, Zucchini, Broccoli, Cauliflower</td></tr> </table>	Daging	Kentang	Sayuran	175 – 180 g	125 g	100 g	Daging lembu, daging anak kambing, ayam (dihiris), Tulang-T	Dihiris	Lobak, Zucchini, Broccoli, Cauliflower
Daging	Kentang	Sayuran									
175 – 180 g	125 g	100 g									
Daging lembu, daging anak kambing, ayam (dihiris), Tulang-T	Dihiris	Lobak, Zucchini, Broccoli, Cauliflower									
Kaserol Kaserol (suhu semasa 3°C): Beef Stroganoff, Springtime Lamb, Chicken Fricassee Dalam tin (suhu semasa 20°C): Kacang Pang- gang dalam tin, Spaghetti	1-4 cawan (1 cawan = 250ml)	- Letakkan pada kaserol. - Balutkan dengan plastik dan cucuk 5 kali. - Selepas masak, kacau dan dibiarkan dengan dibalut dengan pembalut plastik untuk 1 – 5 minit.									
Sup (Suhu semasa 20°C) Labu, Tomato, Ayam	1-4 cawan (1 cawan = 250ml)	- Letakkan di dalam mangkuk kalis gelombang mikro. - Jangan tutup. - Letakkan secara langsung pada dasar ketuhar. - Lepas masak, dikacau.									
Pizza (suhu semasa 3°C) Pepperoni, Supreme	1 – 4 Keping (1 ketul ± 90g)	Letakkan pizza pada sehelai tuala kertas secara langsung pada dasar ketuhar.									

